



KENYATAAN SURUHANJAYA TENAGA  
24 DISEMBER 2024

**PELARASAN TARIF ELEKTRIK MULAI 1 JANUARI 2025 HINGGA 31 DISEMBER  
2027 BAGI TEMPOH KAWAL SELIA KETIGA (RP3: 2025 – 2027)  
DAN  
PELAKSANAAN MEKANISME *IMBALANCE COST PASS-THROUGH* (ICPT)  
BAGI TEMPOH 1 JANUARI HINGGA 30 JUN 2025  
DI KULIM HI-TECH PARK, KEDAH**

**PUTRAJAYA, 24 Disember 2024** – Kerajaan pada 13 Disember 2024 telah bersetuju supaya kadar tarif asas elektrik di Kulim Hi-Tech Park (KHTP) di bawah mekanisme *Incentive Based Regulation* (IBR) diselaraskan kepada 43.26 sen/kWj bagi tempoh kawal selia ketiga (*Regulatory Period 3* – RP3) bermula pada 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2027. Antara faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan kadar tarif asas elektrik di KHTP bagi tempoh ini adalah semakan semula unjuran harga bahan api mengikut harga pasaran semasa dan pertambahan kos modal yang diperlukan untuk memastikan kualiti infrastruktur pembekalan elektrik yang semakin meningkat di KHTP terjamin dan berdaya harap.

Oleh yang demikian, Kerajaan melalui Suruhanjaya Tenaga telah memuktamadkan jadual tarif baharu bagi tempoh RP3 kepada semua kategori pengguna di KHTP, iaitu jadual ini mencerminkan kos pembekalan elektrik sebenar dan lebih kompetitif di samping mengekalkan keseimbangan trilema tenaga (*security, sustainability and affordability*). Jadual tarif baharu ini akan dilaksanakan bermula pada 1 Januari 2025.

Seterusnya, bagi pelarasan tarif elektrik di bawah mekanisme *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT) bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2025, Kerajaan telah bersetuju

---

**MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

supaya ia dilaksanakan secara bersasar dengan menggunakan jadual tarif baharu bagi tempoh RP3 seperti berikut:

- i. pengguna domestik (tarif N1) dengan penggunaan elektrik sebanyak 1,500 kWj dan ke bawah ( $\leq 1,500$  kWj) tidak dikenakan sebarang surcaj;
- ii. pengguna domestik (tarif N1) dengan penggunaan elektrik melebihi 1,500 kWj ( $> 1,500$  kWj) dan semua pengguna bukan domestik akan dikenakan surcaj pada kadar 7.57 sen/kWj; dan
- iii. jumlah subsidi tampungan surcaj bagi tempoh ini akan dibiayai oleh Kerajaan sebanyak RM20 juta.

**\*\*\*TAMAT\*\*\***

---

#### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.